

PERSEPSI PELAJAR INSITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP AKTIVITI DEBAT BAHASA ARAB DALAM MEMPENGARUHI KEMAHIRAN BERTUTUR

Muhammad Shukri Abdul Halim¹ & Mohammad Taufiq Abdul Ghani^{1*}

**¹Faculty Of Languages and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900
Tanjong Malim, Perak, Malaysia
(Corresponding author: taufiq@fbk.upsi.edu.my)**

Abstract

Speaking skill is a fundamental component of Arabic language learning, as it reflects learners' ability to communicate effectively in authentic real-life contexts. This study investigates students' perceptions of the effectiveness of debate-based Arabic instruction in improving speaking skills. A quantitative survey research design was employed, with a structured questionnaire serving as the primary data collection instrument. The respondents comprised 112 higher learning institution students who had participated in Arabic debate activities. Data were analysed using descriptive statistical methods. The findings indicate that students generally hold positive perceptions of Arabic debate-based learning, with an overall mean score of 4.30. Participation in debate activities was found to contribute meaningfully to improvements in key dimensions of speaking skills, including communicative effectiveness, cognitive engagement with content, and confidence in oral expression. Nevertheless, variations were observed in students' comfort levels when speaking Arabic, highlighting the need for additional instructional scaffolding and pedagogical support. Overall, the study concludes that Arabic debate activities are an effective approach for enhancing students' speaking skills in Higher Learning Institutions and recommends further research and more structured implementation to maximise their educational impact.

Keywords: Arabic language learning; Arabic debate; Higher education; Student perception

Abstrak

Kemahiran bertutur merupakan komponen asas dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia mencerminkan keupayaan pelajar untuk berkomunikasi secara berkesan dalam situasi kehidupan sebenar. Kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran bahasa Arab berasaskan perbincangan dalam meningkatkan kemahiran bertutur. Reka bentuk kajian tinjauan kuantitatif telah digunakan, dengan soal selidik berstruktur sebagai instrumen utama pengumpulan data. Responden kajian terdiri

daripada 112 orang pelajar institusi pengajian tinggi yang pernah menyertai aktiviti perbahasan bahasa Arab. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab berasaskan perbahasan, dengan skor min keseluruhan sebanyak 4.30. Penglibatan dalam aktiviti perbahasan didapati menyumbang secara signifikan kepada peningkatan beberapa aspek utama kemahiran bertutur, termasuk keberkesanan komunikasi, penglibatan kognitif terhadap kandungan, serta keyakinan dalam menyampaikan idea secara lisan. Walau bagaimanapun, terdapat variasi dalam tahap keselesaan pelajar ketika bertutur dalam bahasa Arab, yang menunjukkan keperluan kepada sokongan pengajaran dan bimbingan pedagogi yang lebih berstruktur. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa aktiviti perbahasan bahasa Arab merupakan pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran bertutur pelajar di Institusi Pengajian Tinggi, dan mencadangkan penyelidikan lanjutan serta pelaksanaan yang lebih tersusun bagi memaksimumkan impak pedagoginya.

Kata kunci: Pembelajaran bahasa Arab; Debat bahasa Arab; Pendidikan tinggi; Persepsi pelajar

1.0 PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan satu daripada bahasa yang diiktiraf dunia dengan lebih 400 juta penutur di pelbagai negara. Kepentingannya melangkaui sempadan geografi, terutamanya dalam bidang agama, diplomasi, perdagangan antarabangsa, dan pendidikan. Bahasa Arab juga memainkan peranan penting sebagai bahasa Al-Quran, menjadikannya signifikan dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia. Penggunaannya dalam konteks agama memperkuat kepentingan bahasa Arab dalam pendidikan Islam dan identiti budaya, mengekalkan relevansinya sepanjang zaman (Nugrahawan, Zuriyati & Iskandar, 2023). Dalam konteks globalisasi, penguasaan bahasa ini semakin relevan untuk memperkukuhkan hubungan antarabangsa dan pemahaman antara budaya.

Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah banyak berkembang. Tambahan, didorong oleh dasar kerajaan yang mewajibkan kursus bahasa Arab di institusi pendidikan untuk meningkatkan daya saing dan kemahiran graduan sebagai tindak balas terhadap tuntutan global (Nisa & Arifin, 2020). Bahasa ini diajarkan bermula dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap bahasa ini. Pelbagai

pendekatan telah digunakan bagi memastikan pelajar dapat memperoleh penguasaan bahasa Arab dengan sangat baik, termasuk kurikulum yang terstruktur, penggunaan teknologi pendidikan, dan pelaksanaan aktiviti pengayaan bahasa seperti program pertukaran pelajar serta pertandingan akademik.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, aktiviti kokurikulum sering dilihat sebagai pelengkap kepada pembelajaran formal di dalam bilik kuliah. Aktiviti seperti ini boleh dijadikan pelantar kepada pelajar untuk mempraktikkan perkara yang telah dipelajari dalam suasana yang lebih santai tetapi mencabar. Aktiviti yang bersifat interaktif bukan sahaja dapat memperkukuhkan pemahaman konsep bahasa, tetapi juga membantu meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri. Satu daripada contoh aktiviti yang telah terbukti keberkesanannya ialah debat bahasa Arab. Melalui debat, pelajar berpeluang melibatkan diri dalam perbincangan isu semasa menggunakan bahasa Arab, mengasah kemahiran berhujah, dan meningkatkan kefasihan bertutur dalam konteks yang lebih realistik.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti persepsi pelajar IPT terhadap peranan aktiviti debat bahasa Arab dalam memperkasa kemahiran bertutur mereka. Secara khusus, kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti pandangan pelajar mengenai keberkesanan aktiviti ini dalam memperbaiki penguasaan bahasa serta memantapkan kemahiran bertutur dalam diri mereka. Penemuan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada pengayaan pedagogi bahasa Arab di Malaysia.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam pendidikan, keagamaan, dan komunikasi antarabangsa. Namun, walaupun bahasa ini diajarkan secara meluas di Malaysia, penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar IPT masih menunjukkan kelemahan yang wajar diberi perhatian. Bagi membolehkan bahasa Arab digunakan secara berkesan dalam pelbagai situasi komunikasi, pelajar perlu memiliki tahap penguasaan kemahiran bertutur yang mantap. Dalam konteks ini, aktiviti debat bahasa Arab dilihat berpotensi dalam memangkin keberkesanan pembelajaran, sekali gus menuntut penelitian empirikal terhadap peranannya dalam meningkatkan kemahiran bertutur pelajar.

Walaupun pelajar telah mengikuti pembelajaran bahasa Arab selama beberapa tahun, banyak kajian melaporkan bahawa tahap kemahiran bertutur masih rendah (Abdulhafid,

Mustapha & Ismail 2024; Kurniawati, Ni'mah & Sofa, 2024). Masalah ini mungkin berpunca daripada pendekatan pengajaran yang menumpukan lebih kepada teori daripada pengaplikasian praktikal dalam komunikasi. Menurut Salmas, Bahruddin dan Syuhadak (2024), kecekapan berbahasa Arab dapat ditingkatkan melalui pengalaman praktikal, dan bukannya bergantung kepada kerangka teori atau arahan kelas. Pelajar sering diberikan penekanan kepada aspek tatabahasa dan pemahaman teks, namun peluang untuk berinteraksi secara aktif dalam bahasa Arab amat terhad. Oleh itu, kemahiran bertutur mereka tidak dapat berkembang secara optimum. Faktor ini juga menyebabkan pelajar kurang yakin dalam menggunakan bahasa Arab dalam situasi seharian atau profesional.

Selain itu, isu ini juga dipengaruhi oleh terhadnya aktiviti interaktif yang memberikan pelajar kesempatan untuk mengaplikasikan bahasa Arab secara langsung. Maryani, Syafei, dan Kosim (2024), menekankan bahawa pembelajaran interaktif-komunikatif jelas mampu meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata, pembinaan ayat, dan kefasihan lisan sekali gus menunjukkan bahawa penglibatannya dalam aktiviti pembelajaran sangat penting untuk pengembangan bahasa yang berkesan. Aktiviti seperti debat, yang memerlukan pelajar untuk berfikir secara kritis dan berinteraksi dengan rakan sekuliah dalam bahasa Arab, kurang diterapkan dalam pembelajaran harian mereka. Ditambah lagi, aktiviti ini hanya dijalankan apabila terdapat pertandingan sahaja, yang menyebabkan kurangnya peluang untuk melibatkan semua pelajar dalam aktiviti ini. Penyertaan dalam latihan debat juga sangat terhad, dengan hanya ahli-ahli pasukan pertandingan yang hadir, sementara ahli biasa atau pelajar lain tidak berkesempatan untuk menyertai. Tanpa aktiviti yang lebih kerap dan inklusif, pelajar mungkin tidak dapat mengasah kemahiran berkomunikasi mereka dalam bahasa Arab secara berkesan.

Walaupun terdapat kajian mengenai manfaat aktiviti debat bahasa Arab, penyelidikan yang menumpukan secara khusus kepada impak aktiviti ini terhadap kemampuan bertutur pelajar IPT di Malaysia masih terhad. Aktiviti debat bahasa Arab menawarkan peluang untuk mengasah kemahiran berfikir secara kritis dan meningkatkan keyakinan dalam bertutur, namun sedikit kajian yang menilai impaknya dalam konteks pendidikan di Malaysia. Oleh itu, kajian semasa ini penting untuk meneroka sejauh mana aktiviti debat dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih cemerlang, terutamanya dalam aspek kemahiran bertutur yang lebih praktikal.

Sehubungan dengan isu yang telah dibincangkan, kajian ini meneliti persepsi pelajar

terhadap keberkesanan pengajaran berasaskan perbahasan bahasa Arab dalam memperkukuh kemahiran bertutur mereka. Dapatan kajian diharapkan dapat menyediakan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai keberkesanan debat sebagai pendekatan pedagogi, sekaligus menyumbang kepada peningkatan strategi pengajaran bahasa Arab di Malaysia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif bagi mengenal pasti pengaruh aktiviti debat bahasa Arab dalam memperkukuh kemahiran bertutur pelajar IPT yang pernah terlibat dalam latihan debat bahasa Arab. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data secara sistematik bagi menggambarkan pola umum serta trend persepsi pelajar terhadap aktiviti debat bahasa Arab dalam mempengaruhi kemahiran bertutur mereka.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 112 orang pelajar daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia yang pernah terlibat dalam aktiviti debat bahasa Arab di universiti masing-masing. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan, dengan responden dipilih secara rawak daripada populasi yang memenuhi kriteria kajian tanpa mengira latar belakang atau kategori tertentu. Pendekatan ini memastikan setiap pelajar yang terlibat dalam aktiviti debat bahasa Arab mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik yang dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan sorotan literatur berkaitan pembelajaran bahasa serta aktiviti debat. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A melibatkan maklumat demografi responden yang merangkumi jantina, universiti, peringkat pengajian, status penyertaan, tempoh penglibatan serta kadar kekerapan penyertaan dalam aktiviti debat bahasa Arab. Bahagian B pula terdiri daripada 15 item yang mengukur persepsi pelajar terhadap peningkatan kemahiran bertutur melalui penglibatan dalam aktiviti debat bahasa Arab. Peserta kajian diminta menilai setiap pernyataan berdasarkan skala Likert lima mata bagi menggambarkan tahap persetujuan mereka.

3.4 Pembinaan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibangunkan sendiri oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian dan sorotan literatur berkaitan penggunaan aktiviti debat dalam pembelajaran bahasa serta kemahiran bertutur. Proses pembangunan item memberi tumpuan kepada aspek persepsi pelajar terhadap keberkesanan aktiviti debat bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran bertutur, merangkumi elemen keyakinan diri, kefasihan, komunikasi dan penggunaan bahasa dalam konteks formal.

Bagi memastikan kesahan kandungan, draf awal soal selidik telah disemak oleh penyelia kajian yang mempunyai kepakaran dalam bidang kajian ini. Oleh itu, penambahbaikan dibuat berdasarkan maklum balas yang diterima sebelum soal selidik diedarkan kepada responden. Di samping itu, kajian kebolehpercayaan instrumen juga telah dijalankan menggunakan analisis pekali alfa Cronbach bagi menilai konsistensi dalaman item soal selidik. Dapatan analisis menunjukkan nilai alfa Cronbach yang sangat tinggi, iaitu $\alpha = 0.977$ bagi keseluruhan 15 item, yang menunjukkan tahap konsistensi dalaman dan kebolehpercayaan instrumen yang sangat baik. Ini selaras dengan pandangan Pourmehdi (2021) bahawa nilai alfa yang menghampiri 1.0 mencerminkan keseragaman item dalam mengukur konstruk yang sama.

3.5 Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan perisian *International Business Machines Statistical Package for the Social Sciences* (IBM SPSS). Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai untuk menggambarkan ciri-ciri responden serta persepsi pelajar terhadap aktiviti debat bahasa Arab. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai corak umum dan tahap pengaruh aktiviti debat terhadap peningkatan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar IPT.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar IPT yang pernah terlibat dalam aktiviti debat di peringkat universiti termasuk latihan mahupun pertandingan. Jadual 1 menunjukkan keputusan analisis deskriptif bagi bahagian demografi responden, yang memfokuskan kepada pengagihan responden mengikut jantina berdasarkan kekerapan (N) dan peratusan (%).

Hasil analisis demografi menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan seramai 112 orang pelajar IPT daripada pelbagai universiti awam di Malaysia dengan latar belakang pengajian

dan tahap penglibatan yang berbeza dalam aktiviti debat bahasa Arab. Majoriti responden merupakan pelajar peringkat Sarjana Muda dengan tempoh dan kekerapan penglibatan yang pelbagai. Kepelbagaian profil responden ini memberikan gambaran konteks sampel kajian serta menyokong kebolehwakilan dapatan kajian secara keseluruhan.

Jadual 1: *Taburan Demografi Responden*

Demografi	Kumpulan	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	35	31.25
	Perempuan	77	68.75
Universiti	UPSI	39	34.82
	UIA	9	8.04
	USIM	11	9.82
	UKM	10	8.93
	UM	7	6.25
	UPM	11	9.82
	UNISZA	9	8.04
	UMK	8	7.14
	UiTM	8	7.14
Peringkat	Diploma / Asasi	4	3.57
Pengajian	Sarjana Muda	107	95.54
	Sarjana	1	0.89
Status	Ahli Biasa	56	50.00
	Ahli Aktif	12	10.71
	Ahli Jawatankuasa	30	26.79
	Ahli Pertandingan	14	12.50
Tempoh	≤ 6 bulan	61	54.46
Penglibatan	6 bulan – 1 tahun	22	19.64
	1 tahun – 2 tahun	18	16.07
	≥ 2 tahun	11	9.82
Kekerapan	Jarang	52	46.43
Penglibatan	Sederhana	38	33.93
	Kerap	16	14.29
	Sangat Kerap	6	5.36

Seterusnya, kajian ini menganalisis persepsi pelajar terhadap aktiviti debat dalam

bahasa Arab dari segi keberkesannya dalam meningkatkan kemahiran bertutur. Analisis deskriptif telah dijalankan terhadap 15 item yang merangkumi aspek keyakinan diri, kefasihan bertutur dan penggunaan bahasa dalam konteks formal. Statistik deskriptif yang melibatkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dipaparkan dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penglibatan dalam aktiviti debat bahasa Arab, dengan nilai min keseluruhan sebanyak 4.30 dan sisihan piawai 0.658. Dapatan ini mencerminkan tahap penerimaan yang positif terhadap aktiviti debat sebagai strategi pedagogi yang berkesan dalam pembelajaran bahasa Arab, khususnya dalam meningkatkan kemahiran bertutur. Keputusan ini selari dengan kajian Linh (2024) yang mendapati bahawa pengintegrasian aktiviti debat dalam pengajaran bahasa berupaya meningkatkan kefasihan dan keyakinan pelajar secara signifikan. Persamaan dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti debat berfungsi sebagai medium autentik yang mendorong pelajar menggunakan bahasa sasaran secara aktif dan bermakna.

Item yang merekodkan nilai min tertinggi ialah keyakinan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab (min = 4.41), menunjukkan bahawa aktiviti debat memainkan peranan penting dalam pembentukan keyakinan diri pelajar. Dapatan ini menyokong pandangan Ruiz-Olaya (2022) yang menegaskan bahawa keyakinan diri pelajar adalah penentu utama penglibatan aktif mereka dalam pembelajaran bahasa kedua. Dalam konteks pedagogi bahasa Arab, aktiviti debat menyediakan ruang komunikasi formal yang terkawal, sekali gus membantu pelajar membina keberanian untuk menyampaikan idea dan hujah secara lisan.

Jadual 2: *Persepsi pelajar terhadap Bahasa Arab*

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Debat dalam bahasa Arab membantu saya menjadi lebih yakin untuk bercakap dalam bahasa tersebut.	4.41	0.705
2	Saya merasakan kemahiran bertutur saya dalam bahasa Arab bertambah baik selepas menyertai aktiviti debat.	4.29	0.703
3	Aktiviti debat membantu saya mengatasi rasa gugup ketika bercakap dalam bahasa Arab.	4.27	0.759
4	Debat dalam bahasa Arab mendorong saya untuk bercakap dengan lebih fasih.	4.34	0.730
5	Saya berasa lebih selesa bercakap dalam bahasa Arab	4.11	0.842

	selepas menyertai aktiviti debat.		
6	Debat mengajar saya cara menyusun hujah dengan teratur ketika bercakap dalam bahasa Arab.	4.29	0.799
7	Saya merasakan debat memberi saya peluang untuk mempraktikkan bahasa Arab dalam situasi formal.	4.30	0.781
8	Aktiviti debat memberi saya lebih banyak pendedahan kepada bahasa Arab yang digunakan dalam perbincangan akademik.	4.33	0.690
9	Debat menggalakkan saya menggunakan perkataan dan frasa yang lebih formal dalam bahasa Arab.	4.36	0.696
10	Debat membantu saya memahami cara bercakap dengan lebih jelas dalam bahasa Arab.	4.36	0.733
11	Saya belajar cara menggunakan nada dan intonasi yang sesuai semasa bercakap dalam bahasa Arab melalui debat.	4.27	0.759
12	Debat memberikan saya keyakinan untuk berinteraksi dalam bahasa Arab di luar kelas.	4.22	0.824
13	Saya menjadi lebih terbuka untuk menerima kritikan yang membina dalam memperbaiki kemahiran bertutur saya.	4.28	0.785
14	Debat memberi saya peluang untuk mempraktikkan bahasa Arab secara langsung dalam perbualan.	4.32	0.750
15	Saya merasakan debat dalam bahasa Arab membantu saya menyampaikan pendapat dengan lebih lancar.	4.33	0.776
	Keseluruhan	4.30	0.658

Walau bagaimanapun, item berkaitan tahap keselesaan bertutur selepas menyertai debat merekodkan nilai min yang paling rendah walaupun masih berada pada tahap tinggi (min = 4.11). Sisihan piawai yang lebih besar menunjukkan wujudnya variasi persepsi dalam kalangan pelajar, yang berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor individu dan sosial. Penemuan ini sejajar dengan Gamkrelidze (2022) yang menyatakan bahawa latar belakang linguistik dan sokongan persekitaran memberi kesan langsung terhadap kecekapan pertuturan pelajar. Oleh itu, walaupun debat berkesan secara umum, pelaksanaannya perlu disertai dengan bimbingan berperingkat dan sokongan berterusan bagi memastikan semua

pelajar mendapat manfaat yang optimum.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa aktiviti debat bahasa Arab berkesan dalam meningkatkan kemahiran bertutur serta menyumbang kepada keyakinan diri, komunikasi akademik, dan penglibatan aktif pelajar. Justeru, aktiviti debat wajar dipertimbangkan sebagai satu daripada pendekatan pedagogi strategik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, khususnya di peringkat pengajian tinggi.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti debat bahasa Arab mampu memperkukuhkan kemahiran bertutur mereka di peringkat institut pengajian tinggi. Dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi pelajar yang tinggi terhadap pelaksanaan aktiviti debat, khususnya dari aspek keyakinan diri, kefasihan bertutur dan keupayaan berkomunikasi dalam situasi formal. Penemuan ini mengesahkan peranan debat sebagai satu pendekatan pedagogi yang signifikan dalam pembelajaran bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, variasi pandangan pelajar terhadap tahap penyelesaian bertutur menunjukkan bahawa faktor individu masih mempengaruhi keberkesanan aktiviti debat. Hal ini menekankan keperluan pendekatan pengajaran yang lebih bersifat inklusif dan berperingkat bagi memastikan semua pelajar mendapat manfaat yang optimum.

Dari segi sumbangan kajian, penemuan ini menyokong dapatan kajian terdahulu berkaitan keberkesanan aktiviti interaktif dalam pembelajaran bahasa kedua serta memperkukuh literatur dalam pedagogi bahasa Arab, khususnya dalam konteks pengajian tinggi. Namun demikian, kajian ini terhad kepada reka bentuk kuantitatif dan saiz sampel yang terhad.

Sehubungan itu, kajian lanjutan wajar memanfaatkan pendekatan kualitatif atau kaedah campuran bagi mendalami pengalaman dan perspektif pelajar terhadap aktiviti debat ini. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa aktiviti debat seharusnya dijadikan satu daripada pendekatan pedagogi yang efektif untuk memperkukuh kemahiran bertutur pelajar bahasa Arab.

6.0 RUJUKAN

Abdulhafid, K. A. S., Mustapha, N. F., & Ismail, M. Z. (2024). Improvement of Arabic speaking

<https://ijarped.com/index.php/journal/article/view/729>

and Culture, 28(2022), 1 -5 . <https://doi.org/10.52340/lac.2022.21>

PBA, 23(1), 29-48. <https://doi.org/10.20414/tsaqafah.v23i1.9788>

of Science Educational Science, 69(3), 71-82. <https://doi.org/10.18173/2354-1075.2024-0048>

<https://doi.org/10.15575/jpba.v8i1.34894>

<https://doi.org/10.15408/bat.v26i1.13303>

<https://doi.org/10.1002/9781119111931.ch15>

<https://doi.org/10.22236/jpba/3113370>

https://doi.org/10.4324/9781003270546?urlappend=%3Futm_source%3Dresearchgate.net%3Futm_medium%3Demail%3Futm_campaign%3Demail

[26utm_medium%3Darticle](#)

Salmas, A. N. H., Bahrudin, U., & Syuhadak, S. (2024). Exploring language proficiency: Dynamics of acquiring Arabic speaking skills from Stephen Krashen's perspective at Islamic universities. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 16(3), 4012-4023.
<https://doi.org/10.35445/alishlah.v16i3.5100>